

Abdullah sebagai insan biasa

UM-26/8/2006

Judul : Potret Peribadi Abdullah Ahmad Badawi
Penulis : Chamil Wariya
Harga : RM60
ISBN : 983-42919-3-0
Penerbit : Media Global Matrix Sdn. Bhd.
Pengulas : AZLINARIAH ABDULLAH

SEMUA tahu tarikh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi diangkat menjadi Perdana Menteri Malaysia yang kelima menggantikan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam satu peralihan kuasa yang berjalan begitu lancar.

Kalau ada yang lupa, Malaysia menerima ketua negara baru itu pada 31 Oktober 2003. Maknanya, sehingga sekarang, Abdullah telah memikul tanggungjawab sebagai Perdana Menteri selama hampir tiga tahun.

Sejak tarikh 31 Oktober itu, boleh sahaja dikatakan bahawa ada banyak buku ditulis mengenai beliau.

Kecenderungan buku-buku dihasilkan itu menyentuh pelbagai aspek termasuk ada yang menghuraikan perjalanan Abdullah ke puncak kuasa. Di pasaran, buku yang dihasilkan sepanjang tarikh berkenaan turut menyentuh mengenai kesinambungan dan perubahan kepimpinan Perdana Menteri. Selebihnya, ada juga yang menghasilkan buku dengan hanya memaparkan gambar-gambar menarik Abdullah.

"Bahawa sebuah buku yang agak terperinci memaparkan cerita-cerita menarik keperibadian Abdullah yang telah dilalui oleh beliau sebagai insan biasa sejak kecil hingga menerajui negara belum ada lagi.

"Cerita-cerita menarik itu bertaburan di sana sini, baik diceritakan oleh kawan-kawannya atau dilontarkan semasa temu ramah beliau kepada media sempena pelantikannya serta ulang tahun pertama menjadi peneraju negara," tulis Datuk Chamil Wariya dalam bab pengenalan buku ini.

Sebagai wartawan kata Chamil, yang kini bertugas sebagai Pengurus Besar, Divisyen Berita dan Hal Ehwal Semasa TV3, beliau berkesempatan menemu ramah Abdullah dan mereka yang rapat dengan Perdana Menteri dalam usaha menghimpun pelbagai perkara tentang kehidupannya sebagai insan biasa.

"Kisah-kisah bukan politik itu dirakamkan di dalam buku ini."

Sebagaimana judulnya, pembaca sudah pasti ingin mengetahui bagaimana 'biasa' kehidupan Abdullah semasa kecil, remaja sehingga menjadi Perdana Menteri.

Seperti kanak-kanak lain sezaman dengannya, Abdullah, walaupun tinggal di Kepala Batas sebuah kawasan yang boleh dianggap moden, bermain ikan laga, menjerat burung di hutan, diajar menumbuk padi, menjaga kambing peliharaan dan membelah pokok kelapa bagi dijadikan kayu api. Sungguh nostalgik sifatnya.

"Ikan-ikan laga ini mengingatkan kepada zaman kanak-kanak saya. Antara kegiatan saya sebagai budak kampung ialah mencari ikan laga di anak-anak sungai di Kepala Batas bersama-sama budak lain. Tak kiralah seronoknya waktu itu," kata Perdana Menteri seperti yang dipetik Chamil dalam buku ini.

Majlis itu tulis Chamil diadakan beberapa hari selepas Dr. Mahathir mengumumkan hasratnya untuk bersara sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO pada hari terakhir Perhimpunan Agung parti itu pada 22 Jun 2002.

Ada tiga bab utama dalam buku ini di mana ia dibahagikan kepada bab kecil iaitu pembentukan keperibadian; potret peribadi dan wajah dalaman.

Di setiap bab utama itu diceritakan mengenai Abdullah yang membesar dalam persekitaran desa, anak harapan bapanya, Ahmad Badawi - yang dipanggil baba oleh Perdana Menteri. Kedua-dua anaknya juga memanggil beliau baba.

Bab potret peribadi lebih menyentuh mengenai kekuatan Abdullah mengha-

